SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

KELUARAN KHAS
Tambahan Pertama

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXVIII] KOTA KINABALU, RABU, 12 OGOS 2026 [No. 3

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK ZAINUDIN BIN AMAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 3

Enakmen-enakmen berikut telah dikemukakan dan diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang diadakan pada 20, 21, 22 dan 23 Julai 2026 dan telah diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada 12 Ogos 2026. Enakmen-enakmen itu adalah dengan ini diterbitkan untuk makluman umum:-

ENAKMEN-ENAKMEN

No. 5 Tahun 2026	-	Enakmen Perbekalan Tambahan (2026) 2026. Supplementary Supply (2026) Enactment 2026.
No. 6 Tahun 2026	-	Enakmen Pewarisan Orang Islam 2026. Muslim Succession Enactment 2026.
No. 7 Tahun 2026	-	Enakmen Mahkamah Anak Negeri 2026. Native Courts Enactment 2026.
No. 8 Tahun 2026	-	Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (Pindaan) 2026. Sabah Ports Authority (Amendment) Enactment 2026.
No. 9 Tahun 2026	-	Enakmen Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (Penswastaan) (Pindaan) 2026 Sabah Ports (Privatisation) (Amendment) Enactment 2026.

CamScanner

No. 10 Tahun 2026 - Enakmen Ketua Daerah, Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung 2026.
District Chief, Native Chief and Headman Enactment 2026.

No. 11 Tahun 2026 - Enakmen Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (Pindaan) 2026.
Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (Amendment) Enactment 2026.

No. 12 Tahun 2026 - Enakmen Haiwan (Pindaan) 2026.
Animal (Amendment) Enactment 2026.

No. 13 Tahun 2026 - Enakmen Pemimpin Pembangunan Masyarakat (Pindaan) 2026.
Community Development Leaders (Amendment) Enactment 2026.

P.K. 0201 (L) - 2026

DICETAK OLEH PENCETAK KERAJAAN,
LIEW CHERN WEI, A.S.D.K., A.D.K., B.S.K., JABATAN CETAK KERAJAAN,
SABAH, MALAYSIA.
2026.

CamScanner

NEGERI SABAH

Saya memperkenankan,

LS

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) MUSA
BIN HAJI AMAN,
Yang di-Pertua Negeri.

12 OGOS, 2026.

No. 12 Tahun 2026

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Haiwan 2015.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Haiwan (Pindaan) 2026.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Enakmen Haiwan 2015 [*No. 8 tahun 2015*], yang disebut "Enakmen ibu"

CamScanner

dalam Enakmen ini, dipinda dalam seksyen 2 —

(a) dalam takrif "Menteri" —

(i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memotong perkataan "and animal industry"; dan

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "haiwan dan perusahaan ternak" dengan perkataan "veterinar";

(b) dalam takrif "Pengarah" —

(i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan memotong perkataan "and Animal Industry"; dan

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "Haiwan dan Perusahaan Ternak" dengan perkataan "Veterinar";

(c) dalam takrif "pihak berkuasa veterinar", dengan memotong perkataan "Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan"; dan

(d) dengan memasukkan selepas takrif "stesen kuarantin" takrif yang berikut:

' "ternakan" ertinya apa-apa kelas ternakan yang termasuk unggas, lembu, kerbau, kambing, biri-biri, rusa, babi, arnab, ayam itik atau mana-mana haiwan atau unggas lain yang dibela jinak bagi kegunaan manusia;'.

Pindaan seksyen 5

3. Seksyen 5 Enakmen ibu dipinda —

(a) dalam subseksyen (1) —

(i) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan *(e)*;

(ii) dengan menggantikan koma di hujung perenggan *(f)* dengan koma bernoktah; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan *(f)* perenggan yang berikut:

"*(g)* mengendalikan mana-mana ladang ternakan; atau

(h) mengendalikan mana-mana rumah sembelih,";

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Seseorang yang berniat untuk menjalankan aktiviti di bawah subseksyen (1) hendaklah mengemukakan suatu permohonan bagi lesen kepada Pengarah dalam cara sebagaimana yang ditetapkan.";

(c) dalam subseksyen (3) dan (4), dengan menggantikan perkataan "subseksyen (1)" dengan perkataan "subseksyen (2)"; dan

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

"(6) Pihak berkuasa veterinar hendaklah, dalam menimbangkan suatu permohonan bagi lesen di bawah (2) berhubung dengan aktiviti di bawah perenggan (1)*(g)*, menilai ladang ternakan dalam cara sebagaimana yang ditetapkan.".

Pindaan seksyen 8

4. Subseksyen 8(1) Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan ", bagi suatu lesen untuk memiliki dan memberi bahan biologi veterinar atau mengimport atau mengeksport bahan biologi veterinar,".

CamScanner

Pindaan seksyen 10

5. Seksyen 10 Enakmen ibu dipinda dengan memotong subseksyen (7).

Pindaan seksyen 49

6. Seksyen 49 Enakmen ibu dipinda —

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "pemvaksinan anti rabis" perkataan "bersama dengan fi yang ditetapkan"; dan

(b) dengan memotong subseksyen (10).

Pindaan seksyen 52

7. Subseksyen 52(2) Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan "oleh Pengarah".

Bahagian baharu VIIA dan VIIB

8. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VII bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN VIIA

KAWALAN LADANG TERNAKAN

Lesen untuk mengendalikan ladang ternakan

53A. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan mana-mana ladang ternakan melainkan dia memegang suatu lesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

CamScanner

BAHAGIAN VIIB

RUMAH SEMBELIH

Lesen untuk mengendalikan rumah sembelih

53B. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan mana-mana rumah sembelih melainkan dia memegang suatu lesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Penyembelihan ternakan

53C. (1) Tiada ternakan boleh disembelih di mana-mana premis selain di rumah sembelih berlesen atau di rumah sembelih Kerajaan.

(2) Jika ternakan disembelih di rumah sembelih berlesen atau di rumah sembelih Kerajaan, pemilik ternakan itu hendaklah membayar fi yang ditetapkan.

Permit khas

53D. (1) Walau apa pun seksyen 53C, mana-mana orang boleh memohon secara bertulis kepada pihak berkuasa veterinar bagi suatu permit khas untuk menyembelih ternakan selain di rumah sembelih berlesen atau di rumah sembelih Kerajaan jika —

(a) penyembelihan itu adalah bagi tujuan domestik, istiadat atau keagamaan; atau

(b) ternakan itu tidak boleh dibawa atau diangkut ke mana-mana rumah sembelih berlesen atau rumah sembelih Kerajaan tanpa menyebabkan bahaya kepada orang ramai atau kepada orang yang menjaga ternakan itu atau kepada ternakan itu sendiri.

CamScanner

(2) Apabila permohonan itu diluluskan, pihak berkuasa veterinar hendaklah mengeluarkan permit khas dalam borang yang ditetapkan.

Kuasa untuk menutup rumah sembelih

53E. Pihak berkuasa veterinar boleh, tanpa menjejaskan penjalanan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Enakmen ini, mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk menutup mana-mana rumah sembelih jika dia berpuas hati bahawa pengendalian rumah sembelih itu melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Enakmen ini.".

Pindaan seksyen 84

9. Subseksyen 84(2) Enakmen ibu dipinda —

(a) dalam perenggan *(o)*, dengan menggantikan perkataan "mengawal" dengan perkataan "menetapkan pelesenan dan kawalan"; dan

(b) dalam perenggan *(r)*, dengan menggantikan perkataan "mengawal" dengan perkataan "menetapkan pelesenan, kawalan, kawalseliaan dan pemeriksaan".

DIPERAKUKAN oleh saya sebagai salinan Rang Undang-Undang yang tulen yang telah diluluskan oleh Majlis Dewan Undangan pada hari Khamis, 23 Julai 2026.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI KADZIM BIN HAJI M. YAHYA,
Speaker,
Dewan Undangan Negeri.

CamScanner



STATE OF SABAH

I assent,

LS

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) MUSA
BIN HAJI AMAN,
Yang di-Pertua Negeri.

12 AUGUST, 2026.

No. 12 of 2026

An Enactment to amend the Animal Enactment 2015.

ENACTED by the Legislature of the State of Sabah as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Animal (Amendment) Enactment 2026.

(2) This Enactment comes into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

CamScanner

Amendment of section 2

2. The Animal Enactment 2015 [*No. 8 of 2015*], which is referred to as the "principal Enactment" in this Enactment, is amended in section 2 —

(a) in the definition of "Director" —

(i) in the English language text, by deleting the words "and Animal Industry"; and

(ii) in the national language text, by substituting for the words "Haiwan dan Perusahaan Ternak" the word "Veterinar";

(b) by inserting after the definition of "litter" the following definition:

' "livestock" means any class of livestock which includes bird, cattle, buffalo, goat, sheep, deer, pig, rabbit, poultry or any other animal or bird domesticated for human consumption;';

(c) in the definition of "Minister" —

(i) in the English language text, by deleting the words "and animal industry"; and

(ii) in the national language text, by substituting for the words "haiwan dan perusahaan ternak" the word "veterinar"; and

(d) in the definition of "veterinary authority", by deleting the words "of Veterinary Services and Animal Industry".

Amendment of section 5

3. Section 5 of the principal Enactment is amended —

(a) in subsection (1) —

(i) by deleting the word "or" at the end of paragraph *(e)*;

(ii) by substituting for the comma at the end of paragraph *(f)* a semicolon; and

(iii) by inserting after paragraph *(f)* the following paragraphs:

"*(g)* operate any livestock farm; or

(h) operate any slaughterhouse,";

(b) by substituting for subsection (2) the following subsection:

"(2) A person intending to carry on the activities under subsection (1) shall submit an application for a licence to the Director in the manner as may be prescribed.";

(c) in subsections (3) and (4), by substituting for the words "subsection (1)" the words "subsection (2)"; and

(d) by inserting after subsection (5) the following subsection:

"(6) The veterinary authority shall, in considering an application for a licence under subsection (2) in relation to the activity under paragraph (1)*(g)*, assess the livestock farm in the manner as may be prescribed.".

Amendment of section 8

4. Subsection 8(1) of the principal Enactment is amended by deleting the words ", for a licence to possess and administer veterinary biologic or import or to export veterinary biologic,".

Amendment of section 10

5. Section 10 of the principal Enactment is amended by deleting subsection (7).

CamScanner

Amendment of section 49

6. Section 49 of the principal Enactment is amended —

(a) in subsection (1), by inserting after the words "anti-rabies vaccination" the words "together with a prescribed fee"; and

(b) by deleting subsection (10).

Amendment of section 52

7. Subsection 52(2) of the principal Enactment is amended by deleting the words "by the Director".

New parts VIIA and VIIB

8. The principal Enactment is amended by inserting after Part VII the following parts:

"PART VIIA

CONTROL OF LIVESTOCK FARM

Licence to operate livestock farm

53A. (1) No person shall operate any livestock farm unless he holds a licence.

(2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

PART VIIB

SLAUGHTERHOUSE

Licence to operate slaughterhouse

53B. (1) No person shall operate any slaughterhouse unless he holds a licence.

CamScanner

(2) Any person who contravenes subsection (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

Slaughter of livestock

53C. (1) No livestock shall be slaughtered at any premise other than at a licensed slaughterhouse or at a Government slaughterhouse.

(2) Where livestock is slaughtered at a licensed slaughterhouse or at a Government slaughterhouse, the owner of such livestock shall pay the prescribed fees.

Special permit

53D. (1) Notwithstanding section 53C, any person may apply in writing to the veterinary authority for a special permit to slaughter livestock other than at a licensed slaughterhouse or at a Government slaughterhouse if —

(a) the slaughter is for domestic, ceremonial or religious purposes; or

(b) the livestock cannot be led or transported to any licensed slaughterhouse or Government slaughterhouse without causing danger to the public or to the person in charge of it or to itself.

(2) Upon approval of the application, the veterinary authority shall issue the special permit in the prescribed form.

Power to close slaughterhouse

53E. The veterinary authority may, without prejudice to the exercise of the power conferred upon him by this Enactment, take such steps as he may consider necessary to close any slaughterhouse if he is satisfied that the operation of such slaughterhouse contravenes any provision of this Enactment or any subsidiary legislation made under this Enactment.".

CamScanner

Amendment of section 84

9. Subsection 84(2) of the principal Enactment is amended —

(a) in paragraph *(o)*, by substituting for the word "regulate" the words "prescribe the licensing and control of"; and

(b) in paragraph *(r)*, by substituting for the word "regulate" the words "prescribe the licensing, control, supervision and inspection of".

CERTIFIED by me to be a true copy of the Bill passed by the Legislative Assembly on Thursday, the 23rd day of July, 2026.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI KADZIM BIN HAJI M. YAHYA,
Speaker,
State Legislative Assembly.

CamScanner